



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

MAJLIS PERASMIAN TEMASYA BANDARAYA

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**21 SEPTEMBER 2019 ( SABTU)**  
**8.00 malam**

**MENARA BANDARAYA**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Satees A/L Muniandy**  
ADUN Bagan Dalam

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Murali Ram**  
Pengarah Program Think City

**Encik Zaini Zainul**  
Pengarah Zart Eventive

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah rahmatnya sekali lagi dapat kita berkumpul bersama-sama di Padang Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth untuk meraikan Temasya Bandaraya. Terima kasih kepada Y.B. Tuan Satees, ADUN Bagan Dalam kerana sudi menerima jemputan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk bersama-sama dengan rakyat Seberang Perai khususnya di kawasan Butterworth.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Encik Murali Ram, Pengarah Program Think City, Unit Butterworth Baru, MBSP dan Zart Eventive kerana bertungkus lumus mengadakan program untuk rakyat sempena Hari Pengisytiharan MBSP dan Pemasyuran saya sebagai Datuk Bandar MBSP.

**Y.B. Tuan, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Pada tanggal 16 September 2019 (Isnin) baru-baru ini, Seberang Perai telah mencipta satu sejarah baru dengan pengisytiharan sebagai sebuah bandaraya. Saya ingin mengimbau sejenak sejaran MBSP di mana pada awalnya sejak jajahan British pada tahun 1800an, pentadbiran Seberang Perai terletak di bawah satu pentadbiran yang berpusat di Pulau Pinang. Akibat kependudukan semakin bertambah, pada tahun 1913, satu ordinan baru telah dikeluarkan dan Seberang Perai pada masa itu ditadbir oleh tiga bahagian iaitu Majlis Bandaran Butterworth, Majlis Bandaran Bukit Mertajam dan Majlis Luar Bandar Utara, Tengah dan Selatan. Kemudian, pada tahun 1961, pentadbiran ini disatukan di bawah satu kuasa Majlis Daerah dan ditadbir oleh Majlis Daerah masing-masing. Pada 1 Julai 1974, ketiga-tiga Majlis Daerah ini iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan disatukan dan dikenali sebagai Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai dan dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 15 Disember 1976.

Tanggal 16 September 2019 sempena Hari Malaysia, secara rasminya MPSP telah dimasyurkan menjadi Bandaraya. Tahniah kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana kejayaan

pada hari ini adalah hasil usaha keringat semua wira orange, pemimpin berwawasan dan rakyat yang bermuafakat dan bukannya atas peluang semata-mata. Oleh yang demikian, kita perlu merasa bangga atas pencapaian Pulau Pinang di mana kita menjadi satu-satunya negeri di Malaysia yang ke semua Pihak Berkuasa Tempatannya bertaraf Bandaraya.

**Y.B. Tuan, Tuan-tuan dan Puan-puan,**

Pengisytiharan bandaraya bukan hanya diterima untuk kemegahan tetapi diterima bersama amanah dan tanggungjawab. Saya yakin amanah dan tanggungjawab ini dapat dipikul kerana saya mempunyai sokongan jentera yang kuat yang terdiri daripada Ahli Majlis, Puan Setiausaha Perbandaran, Ketua-ketua Jabatan, Kakitangan, Wira Oren dan masyarakat yang sentiasa memberikan sokongan. Oleh sebab kerjasama ini, saya yakin saya dapat menumpukan sepenuh perhatian saya untuk memacu kepada kemajuan dan kecemerlangan MBSP.

Rakyat tertanya-tanya apakah perubahan yang akan dibawa oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai selepas menjadi bandar raya atau hanya pertukaran pada nama sahaja. YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal

Singh telah dapat menjangka kemahuan rakyat dan mengarahkan saya untuk menyediakan perancangan bandar raya jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

MBSP komited untuk membawa perubahan kepada rakyat setelah dinaiktaraf menjadi bandaraya supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmatinya. Antara komitmen MBSP ialah untuk menjadi bandaraya yang seiring dengan *Penang 2030 “A Family – Focused Green and Smart State That Inspires The Nation”*, komited untuk menjadi sebuah bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon, sebuah bandaraya berdaya tahan, bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat serta Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah bandaraya yang kompetitif dan pintar.

**Y.B. Tuan, Tuan-tuan dan Puan-puan,**

Bagi menyokong *Penang2030 A Family-Focused, Green and Smart State that Inspires The Nation* dalam tema C “Empower People To Strengthen Civic Participation”, Program Temasya Bandaraya ini adalah satu program yang menepati kehendak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan rakyat.

MPSP dan Think City Sdn. Bhd. serta Zart Eventive Enterprise telah mewujudkan kerjasama dalam memperkasakan projek fizikal di bawah Pelan Butterworth Baharu melalui pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership*). Program Temasya Bagan @ *Butterworth Art Walk* adalah salah satu usaha untuk meremajakan Bandar Butterworth. Program ini diadakan pada hari Sabtu ketiga setiap bulan di Lorong Bagan Luar 2, Butterworth bermula bulan Oktober 2018, sehingga Disember 2019. Setiap bulan program ini akan mengetengahkan tema-tema yang berbeza.

Temasya Bandaraya dilihat sebagai salah satu inisiatif dalam meremajakan semula Bandar Butterworth ke arah liveable city di Seberang Perai yang lebih ceria dan vibrant. Ia merupakan salah satu platform yang dapat membuka ruang kepada komuniti dengan pelbagai komponen education and awareness dari segi kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan selain merancakkan aktiviti *Local Economic Development* (LED).

Temasya Bandaraya ini merupakan salah satu komponen dan pengisian di dalam Zon Seni dan Budaya Butterworth Art Walk. Pelbagai

program telah dilaksanakan di sini seperti *Butterworth Fun Run*, *I Love Penang Run* – Seberang Perai, *Heritage Walk*, *busking* dan pelbagai program kemasyarakatan seperti bengkel-bengkel tarian, kompong dan sebagainya.

Program ini juga mengetengahkan konsep mesra keluarga dan santai ilmu selain aktiviti sihat sebagai salah satu pengisian program. Pelbagai pengisian menarik sepanjang program Temasya Bandaraya ini dan di antaranya:

- i. Pertandingan Meniru Logo MBSP
- ii. Tarian Muhibbah
- iii. Art Jam
- iv. Pertandingan Nyanyian Bintang Cilik
- v. Pameran Kenderaan Unik MBSP
- vi. Pertunjukan Silap Mata
- vii. Soopa Doopa
- viii. Booth-booth pameran daripada agensi kerajaan, badan korporat dan badan bukan kerajaan
- ix. Jualan seni dan kreatif
- x. Persembahan pentas
- xi. Gerai jualan makanan dan minuman

Diharap tuan-tuan dan puan-puan dapat memberi sokongan dan menyertai bersama program-program yang saya senaraikan ini. MBSP merupakan sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau “*People Centric Organisation*” dan telah mengisyiharkan Bajet MBSP 2019 bertemakan *People Centric Budget*. MPSP memperkasakan rakyat dengan menggalakkan masyarakat untuk membuat keputusan dalam program-program pembangunan. MPSP mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan. Misi MPSP adalah untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsive kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

Di bawah Intervensi Pelan Tindakan Pekan Lama, Pelan Butterworth Baharu, selain daripada Temasya Bandaraya, terdapat beberapa program yang telah diatur dan dilaksanakan sebagai satu inisiatif untuk menghidupkan semula Bandar Butterworth menjadi *liveable city* dan masyarakat akan lebih prihatin dengan tanggungjawab mereka untuk mewariskan persekitaran yang bersih, selamat dan sihat untuk generasi akan datang. Program-program yang telah dirancang dan dilaksanakan adalah:-

## **1. Butterworth Fringe Festival (BFF)**

*Butterworth Fringe Festival* (BFF) adalah satu program tahunan yang telah diadakan semenjak tahun 2015 dengan mempamerkan persembahan jalanan tempatan dan antarabangsa. Ianya bertujuan untuk merancakkan lagi misi meremajakan Bandar Butterworth dengan menjadikan bandar ini sebagai hub budaya, kreatif dan inovatif. BFF adalah program yang terbuka kepada orang ramai secara percuma. Pada tahun ini akan diadakan pada 7-8 Disember 2019.

## **2. Pocket Park**

MPSP dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Think City Sdn. Bhd. juga telah melaksanakan projek-projek fizikal seperti *Pocket Park* Lebuh Benggali dan *Rain Garden* di Jalan Jeti Lama pada tahun 2017. Pelan ini telah membawa perubahan dan penambahbaikan yang dinamik di Bandar Butterworth.

## **3. Kolam Renang Pangsapuri Ria**

Kolam Renang Pangsapuri Ria di Lebuh Kampung Benggali telah dinaiktaraf oleh MBSP dengan kos sebanyak RM490,000.00. Kolam

renang tersebut telah dibuka untuk kegunaan orang awam dan MBSP telah melantik pihak swasta bagi menjalankan pengurusan dan penyelenggaraan premis berkenaan.

#### **4. *Butterworth Digital Library***

Pembangunan *Digital Library* dengan kos sebanyak RM6 juta yang akan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang sesuai kepada semua peringkat umur dan kemudahan ini adalah percuma serta boleh digunakan pada bila-bila masa. Projek ini akan siap pada Disember 2019.

#### **5. Lukisan Mural**

MBSP merasakan telah menjadi trend sekarang ini, lukisan-lukisan mural adalah antara produk pelancongan yang dapat menarik minat penduduk setempat, pengunjung luar dan dalam negara. Sehubungan itu, MBSP telah melaksanakan lukisan murak di Kolam Renang Lebuh Kampung Benggali dan telah siap pada 8 Mac 2018, *Giant Mural* di PPR Tun Dr Awang Butterworth yang telah siap pada Oktober 2017 dan di *Butterworth Art Walk*, Lorong Bagan Luar yang siap pada Oktober 2018.

## **Y.B. Tuan, Tuan-tuan dan Puan-puan,**

Segala perancangan yang dibuat oleh MBSP adalah berteraskan kepada pendekatan atau visi yang diketengahkan oleh Kerajaan Persekutuan ke arah *Post 2020 Development Dimensions* yang merangkumi Ekonomi, *Economic Empowerment* dan *Social Reengineering*. Perancangan MBSP juga merangkumi visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah Penang2030 yang lebih bersifat *People Centric*. Oleh yang demikian, segala usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBSP ini seiring dengan *Sustainable Development Goals (SDGs)* yang diperkenalkan oleh United Nations di mana misi kita adalah sama untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat dan “**We Value In People’s Voices**”.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan sekali lagi syabas dan tahniah kepada Think City, UBB dan Zart Eventive kerana berjaya menganjurkan program untuk rakyat. Terima kasih juga kepada Y.B. Satees, ADUN Bagan Dalam kerana sentiasa prihatin kehendak rakyat dan sentiasa menyokong usaha MBSP. Oleh itu saya berharap kerjasama seperti ini dapat dikukuhkan lagi bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow**”.

**Dengan ucapan Bismillahirrahmanarrahim..saya merasmikan  
Temasya Bandaraya ini.**

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Terima kasih.**